



مجلس دایره باتو گاجه  
**MAJLIS DAERAH BATU GAJAH**  
JALAN HAJI ABDUL WAHAB,  
31000 BATU GAJAH, PERAK DARUL RIDZUAN.



Telefon : 05-363 2020  
Faks : 05-366 5930  
Laman Web : www.mdbg.gov.my

Ruk Kami: ( )MDBG.S.400-5/7/57  
Tarikh: 27 April 2026

## KEPADA SEMUA PENYEBUT HARGA

Tuan/Puan

**NO. SEBUT HARGA: 12/2026**

**TAJUK PROJEK: PROJEK TAMAN REKREASI MADANI NEGERI PERAK TAHUN 2026 – CADANGAN NAIK TARAF LANDSKAP KAWASAN LAPANG RPT DESA CHANGKAT 3, BATU GAJAH, PERAK**

**Addendum No.01**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan Addendum No.01 bagi sebut harga yang tersebut untuk tindakan pihak tuan selanjutnya.

2. Dimaklumkan bahawa Addendum ini melibatkan pindaan pada **perkara Penyediaan Sebut Harga di bawah Arahan Kepada Penyebut Harga pada muka surat PG BQ/5**, seperti yang dilampirkan dalam Borang Sebut Harga.

3. Untuk makluman tuan/puan, tarikh tutup sebut harga dipinda daripada **27 April 2026 kepada 30 April 2026**. Kegagalan mematuhi pindaan yang dinyatakan dalam Addendum ini akan menyebabkan sebut harga tuan/puan tidak akan dipertimbangkan.

4. Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan/puan adalah dihargai.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI, PMP., AMP.)**

Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Batu Gajah.

PERAKUAN/ACKNOWLEDGEMENT

Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Batu Gajah,  
Jalan Haji Abdul Wahab,  
31000 Batu Gajah.

Tuan,

Akuan Penerimaan Addendum No. 01

**NO. SEBUT HARGA: 12/2026**

**TAJUK PROJEK: PROJEK TAMAN REKREASI MADANI NEGERI PERAK TAHUN 2026 – CADANGAN NAIK TARAF LANDSKAP KAWASAN LAPANG RPT DESA CHANGKAT 3, BATU GAJAH, PERAK**  
**Addendum No.01**

Merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan Bil. ( )MDBG.S.400-5/7/57 bertarikh 27 April 2026, saya/kami yang bertandatangan di bawah mengesahkan penerimaan Addendum No. 01 bagi sebut harga yang tersebut di atas dan juga pihak kami telah mengambil perhatian akan Addendum No. 01 tersebut dalam menentukan tawaran / sebut harga kami dan bersetuju bahawanya Addendum tersebut menjadi sebahagian daripada Dokumen Sebut Harga berkenaan.

.....  
Tandatangan Penyebut Harga,  
Yang diberkuasa dengan sepenuhnya  
Untuk menandatangani dokumen ini  
Untuk dan bagi pihak:

.....  
Cop/Meteri Kontraktor

Nama Penuh : .....

No. Kad Pengenalan: .....

Atas Sifat : .....



## **MAJLIS DAERAH BATU GAJAH**

### **ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA**

#### **1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebut harga yang terendah atau mana-mana Sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut harga adalah muktamad.

#### **2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

##### **2.1 Penyediaan Sebut Harga**

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut harga
- b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam borang Sebut harga
- c) Senarai Kerja Dalam Tangan
- d) Pengalaman Kerja
- e) Jadual Kadar Harga (jika ada)
- f) Butir-butir Spesifikasi (jika ada)
- g) Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terakhir yang terkini (**Januari 2026, Februari 2026, Mac 2026**) – keutamaan kepada Kontraktor yang mempunyai modal 1.5% daripada harga kontrak.

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

##### **2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga**

- a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatitkan dengan bilangan Sebut harga ..... serta tajuk Sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

### **2.3 Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

#### **3. TEMPOH SIAP KERJA\***

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi **enam belas ( 16 )** minggu.

#### **4. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA\***

Dokumen Sebut harga ini di jual dengan harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)**

#### **5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

#### **6. TEMPOH SAH SEBUT HARGA**

Sebut harga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebutharga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

#### **7. HARGA INDIKATIF**

7.1 Harga Indikatif Jabatan bagi sebut harga ini adalah Ringgit Malaysia: **LIMA RATUS RIBU SAHAJA (RM500,000.00)**

7.2 Harga Indikatif Jabatan ini merupakan satu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.

7.3 Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

- 
- Hendaklah diisi oleh Pegawai Sebut Harga
  - Pengiraan harga dokumen Sebut harga hendaklah dibuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi SPP yang terkini.